

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

1. **Apakah tujuan Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaksanakan?**

PSJ KKM dilaksanakan bagi memenuhi salah satu syarat untuk pengesahan dalam perkhidmatan bagi tujuh belas (17) skim perkhidmatan bukan gunasama di bawah KKM. Selain itu, peperiksaan ini akan mengukur tahap kompetensi pegawai dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku, selaras dengan keperluan fungsi tugas skim perkhidmatan di KKM.

2. **Siapakah yang perlu menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Pegawai lantikan baharu bagi tujuh belas (17) skim perkhidmatan bukan gunasama di bawah KKM yang telah mendapat pengesahan pelantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) perlu menduduki dan lulus PSJ KKM dalam tempoh satu hingga tiga tahun sebagai salah satu syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan.

3. **Apakah skim perkhidmatan yang disyaratkan untuk menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Skim-skim perkhidmatan yang disyaratkan untuk menduduki PSJ KKM adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>
(i)	Pegawai Psikologi (Umum / Kaunseling) Gred S41
(ii)	Pegawai Psikologi (Klinikal) Gred S41
(iii)	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
(iv)	Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41
(v)	Penolong Jurutera (Awam) Gred JA29
(vi)	Penolong Jurutera (Elektrik) Gred JA29
(vii)	Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29
(viii)	Penolong Jurutera (Elektronik) Gred JA29

<b>BIL.</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN</b>
(ix)	Penolong Pegawai Sains Gred C29
(x)	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C29
(xi)	Penolong Pegawai Teknologi Makanan Gred C29
(xii)	Penolong Pegawai Psikologi Gred S29
(xiii)	Penolong Pengurus Asrama Gred N29
(xiv)	Juruteknik Perubatan (Prostetik / Ortotik) Gred U19
(xv)	Juruteknik Perubatan (Bilik Acuan) Gred U19
(xvi)	Penyelia Asrama Gred N19
(xvii)	Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19

**4. Bilakah Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaksanakan pada setiap tahun?**

PSJ KKM dilaksanakan sebanyak dua (2) kali setahun. Kebiasaannya adalah pada bulan Mac / April bagi Siri 1 dan Ogos / September bagi Siri 2. Sila rujuk takwim tahun berkenaan.

**5. Bilakah takwim Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dikeluarkan?**

Takwim PSJ KKM akan dikeluarkan dalam tempoh dua (2) bulan sebelum tarikh peperiksaan.

**6. Bagaimanakah saya boleh memohon sebagai calon Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Permohonan menduduki PSJ KKM boleh dibuat secara dalam talian melalui Sistem *Online Registration Examination System* (ORES) yang boleh diakses melalui pautan <http://ores.moh.gov.my> sebelum tarikh tutup permohonan. Pegawai juga perlu mengemukakan salinan surat pengesahan pelantikan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) semasa membuat permohonan.

7. **Saya sedang bertugas di jabatan yang bukan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bolehkah saya memohon sebagai calon Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) KKM walaupun saya tidak bertugas di bawah KKM?**

PSJ KKM dilaksanakan khusus untuk warga kerja KKM sahaja.

Namun, **pegawai bukan warga kerja KKM yang ingin menduduki PSJ KKM secara tumpangan boleh memohon dengan syarat skop sukatan peperiksaan adalah setaraf dengan keperluan skim perkhidmatan pegawai berkenaan dan sesuai dengan bidang tugasnya.** Pegawai dinasihatkan supaya merujuk kepada sukatan peperiksaan terlebih dahulu sebelum memohon.

8. **Saya telah mengemukakan permohonan untuk menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bagaimanakah saya boleh menyemak status permohonan saya?**

Selepas tarikh permohonan telah ditutup, pegawai boleh membuat semakan status permohonan melalui Sistem *Online Registration Examination System* (ORES) <http://ores.moh.gov.my>

9. **Adakah saya masih boleh memohon sebagai calon Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas tarikh tutup permohonan?**

Tidak. Pegawai dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Sekiranya pegawai tidak sempat untuk memohon, pegawai boleh mengemukakan permohonan untuk menduduki siri peperiksaan seterusnya apabila tempoh permohonan dibuka semula.

10. **Di manakah saya boleh memperoleh panduan peperiksaan dan sukatan Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Panduan peperiksaan dan sukatan PSJ KKM boleh diperolehi dan dimuat turun melalui Sistem *Online Registration Examination System* (ORES) <http://ores.moh.gov.my>

11. **Adakah saya layak untuk membuat tuntutan perjalanan sekiranya saya menduduki Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)?**

Segala tuntutan perjalanan dan perbelanjaan rasmi serta lain-lain kelayakan calon adalah di bawah tanggungan Jabatan / Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

12. **Bilakah keputusan peperiksaan akan dikeluarkan?**

Keputusan peperiksaan boleh diperolehi dalam **tempoh dua (2) bulan selepas tarikh peperiksaan** melalui Sistem *Online Registration Examination System* (ORES) <http://ores.moh.gov.my>

13. **Bolehkah saya menduduki semula Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sekiranya saya memperoleh keputusan gagal?**

Pegawai yang gagal dalam PSJ KKM boleh memohon semula melalui Sistem *Online Registration Examination System* (ORES) (<http://ores.moh.gov.my>) untuk menduduki siri peperiksaan yang seterusnya. Pegawai harus memastikan bahawa beliau perlu lulus PSJ KKM dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun bagi memenuhi salah satu syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA).

14. **Apakah kesan sekiranya pegawai tidak lulus Peperiksaan Subjek Jabatan (PSJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh percubaan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)?**

Sekiranya pegawai tidak menduduki dan tidak lulus PSJ KKM dalam tempoh tiga tahun seperti yang ditetapkan oleh SPA, maka beliau dianggap tidak memenuhi salah satu syarat untuk disahkan dalam perkhidmatan. Dalam hal ini, pegawai melalui Ketua Jabatannya boleh mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh percubaan kepada SPA untuk pertimbangan.